

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BIL. 3 TAHUN 2002

TATACARA PENERIMAAN BAYARAN BAGI BORANG-BORANG YANG DIPERUNTUKKAN OLEH KANUN TANAH NEGARA 1965 DAN KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN 1966

Arahan ini dikeluarkan adalah untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah tentang pelaksanaan bagi memungut bayaran bagi borang-borang yang diperuntukkan oleh Kanun Tanah Negara dan Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan (Pindaan 2002).

2. Arahan ini adalah selaras dengan pindaan Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966, dimana item 76 Kaedah 21 Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan (Pindaan) 2002 memperuntukkan borang-borang yang diperuntukkan oleh Kanun Tanah Negara 1965 dan Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 dikenakan bayaran sebanyak **RM 2.00** (Ringgit Malaysia : Dua Ringgit).

3. Bagi menyelaraskan tatacara penerimaan bayaran tersebut, tatacara yang berikut perlu dipatuhi :-

- a. Penerimaan bayaran hendaklah dibuat melalui kod hasil No.48 (Kod Perbendaharaan : 72124) dan borang Kn.Tanah 4A&4B (Pind.1/77) dikeluarkan.
- b. Satu “rubber stamp” yang mempunyai kenyataan seperti di bawah perlu dikenakan di atas borang-borang.

Contoh :

“ Bayaran bagi borang sebanyak RM 2.00 telah
dijelaskan. (Item 76 Kaedah 21, Kaedah-Kaedah
Tanah Kelantan (Pindaan) 2002)

No. Resit :

.....

B.p. Pentadbir Tanah

.....

- c. Nombor resit komputer yang di cetak keluar tersebut seterusnya perlu ditanda di atas borang tersebut dan seterusnya ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab.

4. Arahan ini berkuatkuasa pada 1hb.Januari 2003 selaras dengan penguatkuasaan Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan (Pindaan) 2002 dan hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling PTG Bil. 3/2002.

t.t

**(ABDUL HALIM BIN HJ. AHMAD)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YBM Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Kerajaan Tempatan)
9. FF.PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

BERTARIKH : 17hb.DISEMBER 2002